

22 NOV 1999

P/Raya-Osman (Fokus Berita)

KUBANG PASU TETAP KUKUH BAGI BARISAN NASIONAL

Oleh: Abdul Halim Taib

ALOR SETAR, 21 Nov (Bernama) -- Pelbagai cerita tersebar mengenai suasana politik Kubang Pasu dengan tidak terpilihnya bekas Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff untuk mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jitra dalam pilihan raya ke-10 ini.

Ini kerana Osman sebagai Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu pasti mempunyai pengaruh yang begitu meluas di peringkat akar umbi parti.

Malah ada yang mendakwa kononnya ketiadaan Osman sedikit sebanyak boleh menjejaskan undi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu dan jika Osman tidak "turun ke padang" berkempen undi kepada calon-calon Barisan Nasional (BN) dalam kawasan itu akan merosot.

Desas-desus juga menyebut bahawa pengundi terutama penyokong kuat Osman kurang selesa dengan kehadiran calon baru Prof Dr Othman Ishak yang dikatakan baru sahaja menyertai UMNO, untuk mengambil tempat Osman di Jitra.

Bagaimanapun segala kekeliruan itu terhurai apabila kedua-duanya -- Osman dan Prof Othman -- diketemukan dalam suatu majlis taklimat kepada jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) Kubang Pasu yang turut dihadiri oleh Dr Mahathir, selaku Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu.

Ketika berucap pada majlis itu, Osman berkata memanglah dalam keadaan sekarang Kubang Pasu mendapat perhatian dunia, oleh itu macam-macam spekulasi dibuat untuk memecahkan UMNO sehingga membuat mereka begitu keliru.

Osman yang menjadi ADUN Jitra selama 30 tahun berkata dirinya tidak penting, tetapi yang lebih penting ialah meneruskan perjuangan parti bagi memastikan Dr Mahathir menang pada pilihan raya nanti supaya beliau dapat meneruskan wawasannya untuk membina negara.

Katanya, baginya walau siapapun sahaja yang bertanding asalkan calon BN, semua anggota parti mesti sokong.

Osman berkata beliau dilantik sebagai pengarah tindakan pilihan raya bagi Kubang Pasu dan wakil calon kepada Dr Mahathir, dan dengan beban tugas itu sudah pasti beliau terpaksa berkerja kuat.

Katanya, beliau adalah "orang UMNO dan bukan ahli UMNO. Orang UMNO bermaksud akan berjuang di dalam UMNO sampai mati."

Prof Othman pula berkata walaupun beliau "orang baru" di dalam politik namun pengalaman dalam bidang akademik dapat membantunya mengatasi masalah yang dihadapi rakyat.

Prof Othman adalah anak tempatan Kubang Pasu, kelahiran Kampung Natoi, Hosba dan kini menetap di Jitra.

Beliau menjadi anggota UMNO cawangan Jitra sejak 1972.

Beliau berkelulusan B.A dalam bidang Perundangan Islam dari Al-Azhar, Mesir, selepas mendapat pendidikan menengah di Maktab Mahmood, Alor Star.

Bagi menjelaskan keadaan yang diperkatakan itu, Dr Mahathir berkata beliau menggugurkan Osman kerana Osman tidak lagi menjadi Menteri Besar, oleh itu beliau berasa tidaklah begitu sesuai untuknya menjadi "backbencher" selamanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga sudah memberitahu Osman supaya bergiat dalam bidang lain.

Perdana Menteri berkata masa yang paling sukar baginya ialah ketika menentukan calon dan inilah yang beliau paling tidak suka lakukan.

Ini kerana pada setiap pilihan raya mesti ada orang baru yang

dimasukkan dan ada pula yang terpaksa dikeluarkan dan dalam keadaan begini akan ada orang yang rasa kecewa, katanya.

"Ada yang datang jumpa saya hingga menangis-nangis tetapi keputusan terpaksa dibuat.

"jika lima orang yang ingin bertanding sudah pasti ada empat orang yang akan menangis dan perkara ini saya tidak dapat elekkkan," katanya.

Ketika menjalankan kempen di Kubang Pasu sejak semalam Dr Mahathir sentiasa kelihatan bergandingan dengan Osman.

Ketua Pemuda UMNO Kubang Pasu, Mohd Radzi Ayob berkata Pemuda akan terus bekerja kuat bagi memastikan kemenangan ketiga-tiga calon BN di Kubang Pasu terutama Dr Mahathir.

Katanya, bagi Pemuda pemimpin boleh datang dan pergi tetapi perjuangan parti mesti diteruskan.

-- BERNAMA

HT MFJ NMO